

**Penerima Basiswa Patut Lanjut Pelajaran Di Universiti Awam Tempatan - Senator Bernama**  
**25 April , 2012**

KUALA LUMPUR, 25 April (Bernama) -- Seorang senator mencadangkan kerajaan supaya mengkaji semula kaedah pemberian biasiswa kepada pelajar cemerlang dengan mewajibkan mereka melanjutkan pengajian di universiti awam tempatan.

Senator Datuk Jaspal Singh berkata beliau yakin langkah itu mampu meningkatkan kualiti dan prestasi universiti awam tempatan selain membantu menaikkan ranking universiti awam negara di peringkat antarabangsa.

"Saya ingin tahu mengapa pelajar-pelajar ini dihantar untuk meneruskan pelajaran mereka di universiti luar negara. Mengapa tidak dihantar saja ke universiti awam di negara kita," katanya pada sesi perbahasan persidangan Dewan Negara di sini.

Beliau juga meminta Menteri Pengajian Tinggi Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin supaya menyatakan jumlah penuntut asing yang menuntut di universiti awam negara serta kriteria kemasukan mereka.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=661801>